

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

**DARIPADA : Y.B. TUAN JULIAN TAN KOK PING
(STAMPIN)**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 18.06.2014

Y.B. TUAN JULIAN TAN KOK PING [STAMPIN] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan jumlah pelaburan *Employees Provident Fund* (EPF) dari 2004 sehingga sekarang serta syarikat yang telah dilaburkan. Minta prestasi profit/loss.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Jumlah pelaburan terkumpul Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) setakat akhir tahun 2013 adalah RM587 bilion, meningkat

sebanyak hampir 150 peratus berbanding RM237 bilion pada tahun 2004 pada kadar purata pertumbuhan tahunan antara 10 hingga 11 peratus. Jumlah pelaburan terkumpul KWSP dari tahun 2004 sehingga 2013 adalah seperti berikut:

TAHUN	JUMLAH PELABURAN	PERTUMBUHAN TAHUNAN
	(RM JUTA)	(%)
2004	237,106	9.2%
2005	259,907	9.6%
2006	285,919	10.0%
2007	313,013	9.5%
2008	342,014	9.3%
2009	371,263	8.6%
2010	440,517	18.7%
2011	469,036	6.5%
2012	526,754	12.3%
2013	586,664	11.4%

**Nota: Peningkatan ketara dalam jumlah aset pada 2010 adalah disebabkan mulai tahun 2010, baki pelaburan yang dinyatakan adalah berdasarkan piawaian perakaunan FRS139.*

2. Untuk makluman Yang Berhormat, KWSP melabur dalam syarikat-syarikat yang tersenarai di bursa-bursa saham domestik dan luar negara berdasarkan mandat dan penanda aras (*benchmark*) yang dipilih serta pelaburan ekuiti persendirian. Jumlah pelaburan ke atas sesuatu ekuiti adalah berbeza selaras dengan aktiviti pembelian dan penjualan yang dilakukan saban hari. Antara pegangan pelaburan aset ekuiti dalam syarikat yang tertinggi adalah dalam Malaysia Building Society Bhd (64.52%), RHB Capital (41.34%) dan Malaysian Resources Corp Bhd (38.87%).

3. Jumlah pendapatan daripada kelas aset ekuiti bagi sepuluh tahun yang lepas (tahun 2004 hingga 2013) adalah seperti berikut :

TAHUN	JUMLAH PENDAPATAN EKUITI (RM JUTA)	KADAR PULANGAN TAHUNAN (%)
2004	2,581	5.61%
2005	2,910	6.18%
2006	2,274	4.45%
2007	5,371	9.28%
2008	6,671	9.04%
2009	4,846	5.28%
2010	10,936	10.58%

2011	13,074	10.76%
2012	13,913	10.06%
2013	19,517	11.31%